

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai HLM Takaful Amanah Saver. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat.	HLM Takaful Amanah Saver DDMMYYYY

1. Apakah produk ini?

Sijil takaful berkaitan pelaburan ini menawarkan gabungan perlindungan dan pelaburan. Sekiranya berlaku kematian atau mengalami TPD semasa tempoh sijil, pelan ini membayar manfaat kematian atau manfaat TPD sekaligus (Jumlah Perlindungan) dan nilai akaun di dalam Akaun Pelaburan Peserta pada masa tuntutan. Sementara menunggu manfaat kematian dibayar, Elaun Ihsan sebanyak RM3,000.00 akan dibayar selepas kami menerima sijil kematian atau pengebumian.

Nilai takaful berkaitan-pelaburan bergantung kepada harga unit asas, yang seterusnya bergantung kepada prestasi dana yang dipilih.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

- Tabarru' - Derma daripada bahagian sumbangan yang akan diperuntukkan ke Dana Risiko Peserta (PRF), yang akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama di kalangan rakan-rakan peserta.
- Iltizam bi Al-Tabarru' - Komitmen untuk melakukan Tabarru'
- Wakalah - Secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak Peserta untuk menguruskan Dana Risiko Peserta (PRF) dan Akaun Pelaburan Peserta (PIA) bagi pihak Peserta dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- Wakalah Bi Al Istithmar - Kontrak agensi untuk pelaburan di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen (wakil) kepada Peserta untuk melaburkan Sumbangan mereka dengan sewajarnya. Pengendali Takaful tidak berhak ke atas sebarang keuntungan atau menanggung sebarang kerugian. Walau bagaimanapun, Pengendali Takaful berhak untuk memperoleh imbuhan berdasarkan peratusan yang tetap dari nilai akaun, seperti kadar yang ditetapkan sebagai Yuran Pengurusan Dana di dalam Jadual, untuk menguruskan dana itu.
- Ju'alah - Satu perjanjian di mana Peserta berjanji untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful kerana pencapaiannya atau prestasi yang baik dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya lebihan dalam PRF.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Dana Dipilih:

Dana	Nisbah
Dana HLMT i-Income	%
Dana HLMT i-Balanced	%
Dana HLMT i-Equity	%
Dana HLMT Makmur	%
Dana HLMT Maa'rof	%
Dana HLMT Global Syariah ESG	%

Asas				
No	Perkara	Amaun yang akan Dibayar	Penerangan	Tempoh Perlindungan (tahun)
1	Kematian	RM	Sekiranya berlaku kematian, Jumlah Perlindungan Asas* dan nilai unit di dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA) akan dibayar sekaligus.	tahun
2	Elaun Ihsan	RM	Sekiranya berlaku kematian, elaun tambahan akan dibayar.	tahun
3	Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sehingga umur 65 pada hari jadi akan datang	RM	Sekiranya berlaku TPD, Jumlah Perlindungan Asas* dan nilai unit di dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA) akan dibayar sekaligus selepas enam (6) bulan tempoh menunggu. Had TPD maksimum semasa setiap hayat adalah RM 8 juta, untuk semua Manfaat TPD yang perlu dibayar di bawah semua sijil (termasuk rider) yang sudah dikeluarkan atau akan dikeluarkan, termasuk sijil ini berkenaan dengan Orang Dilindungi yang sama.	tahun
4	Nilai Matang	Nilai Akaun	Selepas kematangan, Peserta akan menerima nilai unit di dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA) berdasarkan Harga Unit pada Tarikh Penilaian Seterusnya. Peserta juga akan menerima perkongsian dari lebihan Dana Risiko Peserta (PRF), jika ada. Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat - Jadual 1 untuk nilai akaun yang diunjurkan.	Tidak Berkenaan
5	Nilai Serahan	Nilai Akaun setelah ditolak Yuran Serahan	Nilai unit di dalam PIA pada tarikh serahan selepas penolakan yuran serahan, jika ada.	Tidak Berkenaan

Rider Pilihan			
Perlindungan/Manfaat	Manfaat Dibayar (RM)	Penerangan Manfaat	Tempoh Perlindungan (tahun)
Waiver of Contribution	RM	Apabila berlaku kematian atau TPD (sehingga umur 65 pada hari jadi akan datang) kepada Peserta dalam tempoh perlindungan rider, sumbangan asas untuk sijil ini akan dikecualikan.	tahun
Accidental Death and Dismemberment 2	RM	Jumlah atau sebahagian daripada Jumlah Perlindungan Rider* (seperti Lampiran 2) akan dibayar jika berlaku kematian atau terputus anggota akibat kemalangan ke atas Orang Dilindungi dalam tempoh perlindungan rider.	tahun
Accelerated Critical Illness 5	RM	Sekiranya Orang Dilindungi didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 36 penyakit kritikal (seperti Lampiran 1), Jumlah Perlindungan Rider* akan dibayar dan Jumlah Perlindungan pelan asas akan dikurangkan sewajarnya.	tahun

Rider Pilihan			
Perlindungan/Manfaat	Manfaat Dibayar (RM)	Penerangan Manfaat	Tempoh Perlindungan (tahun)
Hospital Income Benefit 4	RM setiap hari	Rider ini menyediakan manfaat hospital harian kepada Orang Dilindungi sekiranya dimasukkan ke hospital.	tahun
Term Rider (Person Covered) 2	RM	Jika berlaku kematian atau TPD (sehingga umur 65 pada hari jadi akan datang) ke atas Orang Dilindungi dalam tempoh perlindungan rider, Jumlah Perlindungan Rider* akan dibayar.	tahun

*Lien Juvenil adalah terpakai untuk kematian/TPD/penyakit kritikal sebelum umur 5 tahun pada hari jadi akan datang, di mana sebahagian peratusan daripada Jumlah Perlindungan Asas/Rider akan dibayar. Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut.

Peringatan: Sila baca helaian pemasaran yang merangkumi faedah produk dan objektif dana berkaitan-pelaburan. Ia adalah penting supaya anda memilih dana atau gabungan dana yang sesuai untuk matlamat kewangan anda dan profil risiko anda.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan yang anda perlu bayar dan tempoh sijil mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan oleh Pengendali Takaful:

Sumbangan	Tempoh Pembayaran Sumbangan (Tahun)	Anggaran Jumlah Sumbangan yang Anda Perlu Bayar (termasuk cukai, jika ada)
Sumbangan Asas	tahun	RM
Sumbangan Tambahan Berkala	tahun	RM

Pengendali Takaful memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan untuk membeli unit dalam dana pelaburan yang anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar yuran wakalah yang merangkumi komisen kepada bank dan perbelanjaan lain Pengendali Takaful. Anda dinasihati untuk merujuk kepada kadar peruntukan yang terdapat dalam ilustrasi produk.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya perlu bayar?

- Yuran Tabarru' ditolak secara bulanan daripada nilai unit anda. Yuran Tabarru' akan meningkat secara am mengikut peningkatan umur anda. Maklumat mengenai caj tabarru' dan caj-caj lain bagi takaful berkaitan pelaburan diberikan di dalam ilustrasi manfaat.

- Caj-caj Tabarru' adalah tidak dijamin. Pengendali Takaful berhak untuk mengubah caj-caj Tabarru' dengan pemberitahuan notis bertulis 90 hari terlebih dahulu kepada anda. Sila ambil perhatian bahawa trend peningkatan caj-caj Tabarru' pada masa lalu tidak semestinya menggambarkan trend pada masa depan.

- Yuran Wakalah adalah bayaran awal ke atas sumbangan yang telah dibuat dan digunakan untuk memenuhi perbelanjaan Pengendali Takaful dan kos pengagihan terus, termasuk komisen yang dibayar kepada bank. Butiran Yuran Wakalah diberi dalam muka surat 8 dokumen ini.

- Yuran Perkhidmatan Bulanan: RM5.00

Komisen Dibayar kepada Bank (sebahagian daripada Yuran Wakalah)

Tahun Sijil	Sumbangan Dibayar (RM)	Asas	
		Komisen Dibayar	
1	RM	%	RM
2	RM	%	RM
3	RM	%	RM
4	RM	%	RM
5	RM	%	RM
6	RM	%	RM
7	RM	%	RM
8	RM	%	RM
9	RM	%	RM
10	RM	%	RM
≥11	RM	%	RM

Tahun Sijil	Sumbangan Tambahan Berkala Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		%	RM
1	RM	%	RM
≥2	RM	%	RM

- Yuran Serahan akan ditolak daripada Nilai Akaun:

Tahun Sijil	1	2	≥3
Yuran Serahan (% daripada Nilai Akaun)	%	%	%

- Yuran Pengeluaran Separa akan ditolak daripada Nilai Akaun yang dikeluarkan:

Tahun Sijil	1	2	≥3
Yuran Pengeluaran Separa (% daripada amaun yang dikeluarkan)	%	%	%

6. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang saya perlu tahu?

- Kepentingan pendedahan - Kewajipan pendedahan pra-kontrak: Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan yang anda tahu atau dijangka untuk mengetahui dengan sebaik-baik pengetahuan anda dan dengan niat baik.

- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan cara memulangkan sijil tersebut dalam masa 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Pengendali Takaful akan membayar balik sumbangan yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian yang akan datang berserta caj Tabarru' dan yuran sijil yang telah ditolak, tolak sebarang bayaran perubatan yang telah ditanggung.

- Tempoh ihsan - Sekiranya tiada pembayaran sumbangan dibuat, sijil anda akan tetap berkuat kuasa selagi nilai akaun anda mencukupi untuk menampung caj-caj Tabarru' dan caj-caj lain yang berkaitan. Sekiranya PIA menjadi tidak mencukupi untuk pembayaran selanjutnya, tempoh ihsan selama tiga puluh (30) hari daripada tarikh sumbangan perlu dibayar berikutnya adalah dibenarkan bagi membuat pembayaran sumbangan berikutnya. Sekiranya sumbangan seterusnya tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, sijil anda akan luput dan perlindungan anda akan ditamatkan.

Benefit Illustration - HLM Takaful Amanah Saver v1.5 / w.e.f. 01/01/2023

Hari Masa dd/mm/yyyy

- Nilai akaun - Nilai akaun daripada berkaitan pelaburan anda bergantung kepada prestasi dana yang anda pilih. Semakin tinggi perlindungan takaful yang dipilih, semakin banyak unit yang digunakan untuk menampung yuran Tabarru' anda dan semakin kurang unit yang tinggal untuk mengumpul nilai tunai di bawah sijil anda.
- Keluputan sijil - Takaful berkaitan pelaburan anda akan luput apabila nilai dana anda tidak cukup untuk menampung caj-caj Tabarru' dan yuran-yuran lain.
- Sebarang lebihan dari PRF akan diagihkan antara Pengendali Takaful dan Peserta dalam kadar 50:50. Pengendali Takaful berhak ke atas lebihan berdasarkan prinsip Syariah Ju'alah.
- Adalah penting untuk Peserta menyimpan resit atau Penyata Kad Debit/Kad Kredit/Bank atau slip pembayaran gaji Peserta sebagai bukti pembayaran sumbangan untuk rujukan masa hadapan.
- Ia mungkin tidak bermanfaat untuk menyerahkan atau menukar sijil takaful sedia ada dengan sijil yang lain, kerana anda mungkin akan tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan yang baru seperti tempoh menunggu yang penuh dan sebagainya di bawah sijil takaful yang baru.
- Penamaan - Anda boleh memilih siapa yang akan menerima manfaat selepas kematian anda dengan mengisi borang Penamaan. Sijil anda akan menyatakan sama ada anda telah menamakan seseorang untuk menerima manfaat tersebut. Jika anda belum menamakan sesiapa, sila lengkapkan borang Penamaan yang boleh didapati daripada wakil Pengendali Takaful dan hantarkan kepada Pengendali Takaful dengan serta-merta.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

- (a) Bunuh diri - Sekiranya kematian disebabkan membunuh diri dalam 12 bulan dari tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian, hanya nilai akaun akan dibayar.
- (b) Manfaat TPD (jika ada) tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras;
 - (ii) sebarang keadaan atau hilang upaya yang telah wujud sebelum atau pada tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai pengecualian lengkap di bawah sijil ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Penyertaan dalam pelan takaful sumbangan berkala berkaitan pelaburan ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Tempoh pegangan sijil yang singkat tidak digalakkan disebabkan kos permulaannya yang tinggi. Jika anda mendapati dana yang dipilih tidak lagi sesuai, anda boleh memilih untuk menukar dana. Anda dibenarkan membuat pertukaran dana bila-bila masa yang anda ingin tanpa sebarang caj.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda/penama anda untuk memastikan segala surat-menyurat dapat diterima tepat pada masanya.

10. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang takaful berkaitan pelaburan, sila rujuk risalah *insuranceinfo* pada bahagian "Takaful Berkaitan Pelaburan" yang boleh didapati di cawangan kami atau anda boleh peroleh salinan daripada pegawai bank atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad
 Level 5, Tower B, PJ City Development
 No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
 Telefon: +603-7650 1800
 Faks: +603-7620 6730
 E-mel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my

ATAU

Hong Leong Islamic Bank
 Menara Hong Leong Bank
 No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara
 50490 Kuala Lumpur
 Telefon: +603-7626 8899
 E-mel: hlonline@hnb.hongleong.com.my

11. Pelan lain yang mempunyai perlindungan yang sama dengan pelan ini.

Sila rujuk kepada kakitangan pemasaran kami untuk jenis pelan serupa yang ditawarkan oleh Pengendali Takaful.

NOTA PENTING:
PELAN INI MERUPAKAN PRODUK TAKAFUL YANG BERKAIT DENGAN PRESTASI ASET YANG DILABURKAN DAN IA BUKAN SATU PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA PERLU MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN TERSEBUT SESUAI DENGAN SELERA RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR SUMBANGAN TERSEBUT SEPANJANG TEMPOH SIJIL. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATI SUPAYA MENAMBAHKAN SUMBANGAN SEBAGAI 'SUMBANGAN TAMBAHAN'. PULANGAN ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN TIDAK DIJAMIN.

Maklumat disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada dd-mmm-yyyy.

Diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)
 (Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Pengakuan

Bahan/Maklumat penting mengenai produk berkenaan dan rider (jika ada) seperti di atas telah dikemukakan dan diterangkan sepenuhnya kepada saya.

Tandatangan Pemohon	
Nama Pemohon	
No. Kad Pengenalan Pemohon	
Tarikh	